

TEKS UCAPAN

YG BHG. BRIG JENERAL DATO' PROFESSOR DR

KAMARUDIN HUSSIN

KOMANDER REJIMEN 509 ASKAR WATANIAH

SEMPENA MAJLIS BBQ SKAW SIRI 21/2010

BERTEMPAT DI HOTEL BAYVIEW, PULAU PINANG

PADA 23 JULAI 2010

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera,

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia
Brigedier Jeneral Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni
Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Komander
Rejimen 504 Askar Wataniah dan Raja Puan Muda Perlis,
Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen
Akashah Khalil.

Yang Teramat Mulia Tengku Panglima Besar, Brigedier
Jeneral Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Ke
Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Hj Abdul

Halim Mu'adzam Shah, Komander Rejimen 513 Askar Wataniah.

Yang Mulia Leftenan Kolonel Tuanku Dato' Seri Kamarulzaman Al-Haj Ibni Sultan Sir Abu Bakar, Pegawai Memerintah Batalion Ketiga Rejimen 505 Askar Wataniah, Wakil Kepada Komander Rejimen 505 Askar Wataniah.

Ampun tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan izinnya dapatlah patik semua hadir bersama Duli-Duli Tuanku di majlis BBQ bersempena dengan Sidang Komander Askar Wataniah Yang Ke 21 pada tahun 2010 ini. Patik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Duli-Duli Tuanku mencemar duli berangkat ke majlis ini.

Ampun Tuanku, patik mohon perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik menyampaikan kata-kata aluan kepada hadirin sekalian, Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Pahlawan Hj Zulkifli Bin Hj Zainal Abidin, Timbalan Panglima Tentera Darat, Merangkap Pengerusi Sidang Komander Askar Wataniah Serta Datin Hjh Rusnah Binti Hj A. Rahman.

Yang Dihormati Brigedier Jeneral Dato' Fazlurrahman Bin Mohammad Irfan, Assisten Panglima Pasukan Simpanan Serta Datin Surina Binti Ahmad.

Tan Sri, Puan Sri, Dato' Seri - Dato' Seri, Datin Seri - Datin Seri, Dato' - Dato', Datin - Datin, Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Hadirin Sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinnya dapatlah kita semua berkumpul pada malam ini di majlis BBQ bersempena Sidang Komander Askar Wataniah Kali Ke 21 tahun 2010 ini.

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua jemputan

kerana sudi hadir ke majlis ini. Secara peribadinya, saya amat berbesar hati dengan pengiktirafan yang diberikan untuk melaksanakan persidangan ini di Negeri Pulau Pinang.

Secara tidak langsung ianya dapat mengeratkan lagi hubungan sesama kita. Selain daripada itu, saya juga amat berbesar hati untuk mendekatkan lagi Rejimen 509 Askar Wataniah, selaku tuan rumah persidangan ini kepada hadirin semua.

Tan Sri, Puan Sri, Dato' Seri - Dato' Seri, Datin Seri - Datin Seri, Dato' - Dato', Datin - Datin, Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Hadirin Sekalian.

Saya suka untuk mengajak hadirin semua untuk mengimbas kembali sejarah awal penubuhan pasukan sukarela di negara kita. Pasukan sukarela yang pertama telah ditubuhkan pada bulan Mei 1861 di Pulau Pinang. Pada masa itu, ianya dikenali sebagai *Penang Rifle Corps*.

Kemudian, pada Jun 1899, ianya telah ditukarkan nama kepada *Penang Volunteer* seterusnya diperbesarkan lagi ke seberang perai pada tahun 1915 yang mana ianya dikenali sebagai *Province Wellesly Volunteer Reserve* atau ringkasannya (PSTD).

Rejimen 509 PSTD telah diwujudkan secara rasminya sebagai sebuah pasukan pada 1 Januari 1981. Serentak dengan itu, batalion 5/504 PSTD di Pulau Pinang telah ditukarkan menjadi Batalion Pertama Rejimen 509 PSTD.

Pada tahun 1987, nama pasukan simpanan tentera darat telah ditukarkan kepada askar wataniah. Oleh itu, rejimen 509 PSTD telah ditukarkan kepada rejimen 509 Askar Wataniah serta kekal sehingga sekarang. Sebagai salah seorang Komander Rejimen 509 Askar Wataniah, saya telah melihat banyak perubahan yang berlaku di dalam pembangunan askar wataniah amnya.

Semua ini adalah disebabkan daripada cetusan-cetusan idea yang bernas di dalam sidang komander yang

terdahulu. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar perkara seperti ini akan terus dilaksanakan demi untuk melihat pembangunan askar wataniah terus membangun mengikut hala tuju yang ditetapkan.

Dikesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Pulau Pinang di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

Tidak lupa juga kepada Yb Dato' Seri Dr Hj Hilmi, Adun Telok Bahang kerana telah sudi membantu serta mengaturkan lawatan untuk isteri-isteri ahli persidangan ke Balik Pulau. Saya juga amat berterima kasih kepada bahagian pasukan simpanan tentera darat serta semua yang terlibat tidak kira sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menentukan majlis pada malam ini berjalan seperti yang dirancangkan.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat menjamu selera dan semoga majlis ini akan kekal di dalam ingatan sebagai kenangan manis bagi hadirin semua. Saya sudahi ucapan ini dengan dua rangkap pantun,

Pulau Pinang Pulau mutiara,

Terkenal dengan jeruk buah pala,

Malam ini menjamu selera,

Esok dan lusa bersidang pula.

Ke balik Pulau menikmati durian,

Durian kampung isinya manis,

Semua yang hadir punya pengalaman,

Untuk manfaat generasi pewaris.

Ampun tuanku, sekianlah sahaja ucapan patik. Patik sekali lagi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli-Duli Tuanku ke persidangan kali ini. Patik berdoa semoga Duli-Duli Tuanku akan sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wataala hendaknya, Insya Allah.

Sekian, patik sudahi dengan lafaz yang mulia, Wabillahi
Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.